



Headline: Wanita ditipu 'Macau Scam', RM286,000 lesap
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)
Date: 3 September 2018

Language: Malay
Section: Citra Utusan
Page: 3

Wanita ditipu 'Macau Scam', RM286,000 lesap

SIBU: Seorang wanita kerugian lebih RM286,000 selepas terjerat dalam penipuan terbaharu 'Macau Scam' di sini.

Pengadu, 59, mula menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai bank pada 28 Ogos lalu.

Pengadu kemudian dimaklumkan bahawa dia mempunyai hutang kad kredit tertunggak berjumlah lebih RM8,000, walaupun dia menafikan perkara itu.

Pengadu juga dimaklumkan oleh lelaki terbabit bahawa akaun bank lain milik pengadu mungkin telah digodam oleh pihak ketiga dan perlu disemak dan dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

Lelaki terbabit juga memberi nombor telefon 'pegawai' BNM kepada pengadu yang

kemudian menghubungi talian tersebut.

Pengadu yang merupakan seorang balu diarah mengambil cuti dan pergi ke beberapa bank untuk membuat pemindahan wang.

Difahamkan, pengadu telah membuat sebanyak lapan transaksi pemindahan wang ke satu akaun kononnya atas langkah keselamatan.

Pada 29 Ogos, seorang lagi lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai penyiasatan memaklumkan kes pengadu amat serius kerana namanya telah digunakan oleh orang lain untuk menjalankan aktiviti haram termasuk perjudian.

Pengadu juga diarah untuk mengeluarkan wang saham dan juga simpanan tetap yang keseluruhannya berjumlah RM268,000.

Tindakan pengadu

membuat pengeluaran luar biasa tersebut telah diketahui oleh anak perempuannya yang memberitahu bahawa dia mungkin menjadi mangsa penipuan, namun tidak diendahkan pengadu.

Apabila pengadu memaklumkan perkara tersebut kepada pegawai berkenaan, dia telah diarah agar tidak memberitahu orang lain, jika tidak mereka juga akan disiasat.

Bagaimanapun, cubaan terakhir pengadu untuk membuat pemindahan wang berjaya dihalang oleh seorang anggota polis di sebuah bank di sini.

Pengadu kemudian dinasihatkan untuk membuat laporan polis di balai polis di sini dan baharulah dia tersedar dirinya telah menjadi mangsa penipuan 'Macau Scam.'